

Selamat tinggal Jesse, kami merinduimu - Warga UMS

UM 23.8.2014 24

KOTA KINABALU 22 Ogos

- Suasana pilu menyelubungi warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) apabila upacara berkabung dan penghormatan terakhir dilakukan untuk seorang pensyarah universiti berkenaan iaitu mendiang Jesse Ng Shi Ing, 33, yang terbunuh dalam nahas Malaysia Airlines, MH17 di Ukraine 17 Julai lalu.

Mendiang yang berasal dari Muar, Johor, mencurahkan bakti sebagai pensyarah Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL) di Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) UMS selama tiga tahun iaitu sejak 19 September 2011.

Dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS, Prof. Dr. Ismail Ibrahim berkata, UMS kehilangan seorang pensyarah yang sukar dicari ganti.

“Saya mewakili warga UMS merakamkan ucapan kepada seluruh keluarga terutama suami mendi-



JESSE NG SHI ING

ang, Leftenan Komander Lee Vee Weng dan kedua ibu bapa, Ng Pae Soon dan Tan Ah Chin.

“Selamat tinggal Jesse, kami warga UMS sentiasa menangisi dan merinduimu,” katanya dalam ucapan sempena majlis Perkabungan dan Penghormatan Terakhir Mendiang Jesse Ng Shi Ing dan mangsa nahas MH17 di Mini

Auditorium Dewan Fakulti Psikologi dan Pendidikan, UMS di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Datuk Jainab Ahmad dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Ismail Ali serta kakitangan dan pentadbiran fakulti berkenaan.

Antara lokasi tumpuan lain adalah di hadapan Hotel Hyatt Regency dan kawasan berdekatan bagi mengenang tragedi yang menggemparkan negara itu.



JAINAB Ahmad (dua dari kiri) dan Ismail Ali (tengah) meletakkan bunga sebagai tanda penghormatan terakhir kepada mendiang Jesse Ng Shi Ing di UMS, Kota Kinabalu, semalam.